

Ruj Kami : YPU. TR. 62/05/04-21(37)
Tarikh : 22 Ogos 2023

Pengurus

MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION (MPC)

Pejabat MPC Negeri Terengganu

Lot No. 1F 22, Kompleks Usahawan Terengganu (KUT)

Kubang Jela, Manir

21200 Kuala Terengganu

Tuan,

TAWARAN PENYAMBUNGAN PENYEWAAN PREMIS PERNIAGAAN DI KOMPLEKS USAHAWAN TERENGGANU (KUT)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU) bersetuju permohonan penyambungan sewa premis oleh pihak tuan sepertimana berikut:-

Premis Perniagaan : Kompleks Usahawan Terengganu (KUT)
Kubang Jela, Manir
Kuala Terengganu.
No. Lot : 1F22
Tempoh Sewaan : 01 Oktober 2023 – 30 September 2026
(Tiga (3) tahun)
Kadar sewa : RM1,331.00 sebulan (kenaikan 10%)

3. Pihak tuan dikehendaki membuat bayaran deposit dan sewa sebagaimana di bawah :-

Deposit dua (2) bulan sewa	RM1,331.00 x 1 unit x 2 bulan	RM2,662.00
JUMLAH		- RM2,662.00

4. Pihak tuan juga tertakluk dengan syarat-syarat penyewaan di bawah :-

- Sekiranya deposit tidak di terima dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** dari surat ini dikeluarkan, maka pihak kami beranggapan pihak tuan tidak berminat dan tawaran penyewaan akan terbatal dengan sendirinya tanpa sebarang notis.
- Pihak tuan disyaratkan menggunakan premis tersebut untuk menjalankan urusan **pentadbiran dan mesyuarat** serta aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya sahaja.

5. Surat Tawaran ini hendaklah dibaca bersama dengan Perjanjian Penyewaan yang akan ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan surat tawaran penyewaan **YPU. TR. 62/05/04-21(31)** bertarikh **11 Julai 2021** adalah **terbatal**.

Ruj Kami : YPU. TR. 62/05/04-21(37)
Tarikh : 22 Ogos 2023

6. Pihak kami menawarkan rebat setengah ($\frac{1}{2}$) bulan sewa untuk bayaran sewa enam (6) bulan ke hadapan sekaligus, manakala jika pihak tuan membuat bayaran sewa satu (1) tahun ke hadapan sekaligus akan menerima rebat satu (1) bulan sewa.

7. Sila tuan tandatangani (**PENDUA**) surat tawaran ini dan kembalikan ke pentadbiran ini sekiranya pihak tuan bersetuju dengan tawaran sewa di atas dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat ini. Kegagalan berbuat demikian, pihak kami beranggapan pihak tuan tidak berminat dengan tawaran ini, maka Surat Tawaran Penyewaan ini adalah terbatal dengan sendirinya tanpa sebarang notis.

Terima kasih.

"TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA"
"MALAYSIA MADANI"
"BERSAMA MEMBINA KECEMERLANGAN"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD RASHDAN BIN MUDA)
Ketua Pegawai Eksekutif

Saya / Kami ****BERSETUJU / TIDAK BERSETUJU** menerima tawaran sewa di atas

NAMA	:	
NO. KP	:	
TARIKH	:	

TANDA TANGAN	COP SYARIKAT
	

(**) Potong yang mana tidak berkenaan